

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

YBRS. ENCIK NORIZAM BIN SEKAK *A.M.D, P.K.*

PENGARAH

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

MAJLIS ANUGERAH GEMILANG PMMWARRIORS 2025

8 OKTOBER 2025

“IKTIRAF PRESTASI, CIPTA PRESTASI”

DEWAN PLATINUM

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim,

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Salam Melakaku Maju Jaya,

Rakyat Bahagia Menggamit Dunia,

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat.

SALUTASI

YANG BERUSAHA TS. ABDUL RAZAK BIN SABTU

Pengarah Kanan (Kompetensi) Jabatan Pendidikan
Politeknik dan Kolej Komuniti

**YANG BERUSAHA PUAN FARIDATULJANA BINTI
MOHD NOOR**

Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau
Melaka

**YANG BERUSAHA TS. ZAN AIZUWAN BIN ZAINAL
ABIDIN**

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)

YANG BERUSAHA PN. HANIZA BINTI BAHAROM

Ketua Kluster Jaminan Kualiti

YANG BERUSAHA PN. ZURAIDA BINTI YAACOB

Pengarah Program Majlis Anugerah Gemilang

PMMWarriors merangkap Pengerusi Jawatankuasa
Kecemerlangan

Ketua-Ketua Jabatan & Ketua-Ketua Unit

Ketua Sekretariat

Ketua-Ketua Kluster

Ketua-Ketua Program

Pensyarah-Pensyarah Utama

Pensyarah- Pensyarah Kanan

Para pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan
Semester 4, Kursus DTM40414 Event Operation and
Management

Seterusnya para pegawai dan staf sokongan
Politeknik Merlimau Melaka yang saya hormati
sekalian dan tidak dilupakan juga bakal-bakal
penerima anugerah yang diraikan.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita
panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah
kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama
meraikan Majlis Anugerah Gemilang PMMWarriors
2025 yang bertemakan “Iktiraf Prestasi, Cipta
Prestasi.”

Untuk makluman para hadirin, Majlis Anugerah
Gemilang PMMWarriors ini telah diselaraskan oleh
Jawatankuasa Kecemerlangan Penganugerahan,
pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Semester
4 yang mengambil kursus DTM40414 (Event
Operation and Management) serta Jabatan
Perdagangan sebagai penyelaras perhimpunan
bulanan.

Majlis ini bukan sekadar acara penghargaan, tetapi lambang keutuhan budaya kerja berteraskan kecemerlangan, inovasi dan integriti dalam kalangan warga Politeknik Merlimau Melaka.

Ia menjadi platform untuk kita menghargai jasa serta sumbangan semua, sama ada yang berada di barisan hadapan mahu pun di sebaliknya dalam memastikan PMM terus melangkah maju sebagai institusi TVET unggul negara.

GERAN T-ACGS BAGI PROJEK MAALIZ NUCIFERA BODY SCRUB

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Saya amat berbangga apabila Politeknik Merlimau melalui Jabatan Perdagangan telah berjaya memperoleh geran berjumlah RM59,500 di bawah Skim Dana TVET Applied Commercialization Grant Scheme (T-ACGS) bagi projek inovasi “Maaliz Nucifera Body Scrub.”

Produk ini dihasilkan daripada serabut kelapa (coconut husk) melalui penyelidikan dan inovasi.

Ia kini berjaya dikomersialkan sebagai produk penjagaan kulit semula jadi yang bukan sahaja melembap dan menyegarkan kulit, tetapi juga mesra alam, berasaskan bahan semula jadi, dan telah melalui ujian makmal GMP/HACCP oleh syarikat pengilang.

Kejayaan ini membuktikan kemampuan warga PMM dalam menterjemah hasil penyelidikan kepada produk sebenar yang berdaya saing dan memberi impak ekonomi kepada komuniti. Ia selari dengan aspirasi TVET untuk melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja berkemahiran, tetapi juga berinovasi dan berorientasikan nilai pasaran.

Hadirin sekalian,

Majlis Anugerah Gemilang PMMWarriors ini juga menjadi platform latihan sebenar kepada pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Semester 4 melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar (experiential learning).

Melalui penglibatan langsung dalam penganjuran acara rasmi seperti ini, pelajar bukan sahaja mempraktikkan teori pengurusan acara, tetapi turut mengasah kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, seiring pencapaian Graduate Attribute yang menjadi kebanggaan Politeknik Merlimau Melaka.

HARI ANUGERAH GEMILANG PMMWARRIORS

Pada hari ini, kita akan meraikan para penerima anugerah dalam pelbagai kategori termasuk Anugerah Merit K.I.T.A, Anugerah Citra Dedikasi, Anugerah Ikon TVET, Anugerah Cendekia Inovasi, Anugerah Akademia PMM, dan yang paling dinanti, Anugerah PMMWarrriors 2025.

Setiap penerima membawa kisah perjuangan yang berbeza, namun semuanya berpaksikan nilai sama komitmen, tanggungjawab dan semangat berpasukan. Mereka inilah inspirasi kepada warga Politeknik Merlimau Melaka bahawa kecemerlangan bukan sekadar hasil kerja keras, tetapi juga lahir daripada keikhlasan dan kesungguhan untuk berbakti.

Justeru, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada penyumbang kita pada majlis hari ini iaitu Kelab Sukan dan Kebajikan, PUSPANITA dan Koperasi Politeknik Merlimau Berhad.

Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Kecemerlangan Penganugerahan di bawah Kluster Jaminan Kualiti, barisan Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan dan Unit, serta seluruh warga PMM atas dedikasi dan kerja berpasukan yang menjayakan majlis ini.

Tidak dilupakan, tahniah kepada semua bakal-bakal penerima anugerah atas pencapaian yang membanggakan. Jadikan penghargaan hari ini sebagai pemangkin untuk terus melakar kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

Akhir kalam, marilah kita terus menyalakan semangat PMMWarriors dalam diri, berani berimpian, tekun berusaha, dan pantang menyerah.

Semoga pengiktirafan ini menyemarakkan budaya kerja berprestasi tinggi dan memperkukuh rasa kebersamaan seluruh warga Politeknik Merlimau Melaka.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.